



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEMAPANAN PERSATUAN BELIA DAN PERANAN PEMIMPIN
SEBAGAI AGEN PERUBAHAN**

SITI RABA'AH HAMZAH.

FPP 2005 22

**KEMAPANAN PERSATUAN BELIA DAN
PERANAN PEMIMPIN SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN**

SITI RABA'AH HAMZAH

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2005



**KEMAPANAN PERSATUAN BELIA DAN
PERANAN PEMIMPIN SEBAGAI AGEN PERUBAHAN**

Oleh

SITI RABA'AH HAMZAH

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi
Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2005



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KEMAPANAN PERSATUAN BELIA DAN
PERANAN PEMIMPIN SEBAGAI AGEN PERUBAHAN**

Oleh

SITI RABA'AH HAMZAH

Mei 2005

Pengerusi : Profesor Turiman Suandi, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka fenomena peranan pemimpin sebagai agen perubahan dalam konteks kemapanan persatuan belia. Kajian ini telah dilaksanakan berpandukan kepada dua persoalan kajian iaitu: (1) apakah peranan pemimpin dalam kepemimpinan persatuan yang menyumbang kepada kemapanan persatuan; (2) bagaimanakah bentuk peranan pemimpin sebagai agen perubahan dalam konteks kemapanan persatuan belia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan data telah diperoleh melalui temu bual secara berkumpulan dan analisis dokumen.

Pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam kajian ini telah dipilih daripada persatuan belia yang telah menerima Anugerah Belia Negara dan melibatkan pengurus, timbalan pengurus, setiausaha, bendahari dan ahli

jawatankuasa dalam persatuan yang dipilih. Temu bual secara berkumpulan merupakan kaedah pengumpulan data utama dan disokong oleh analisis dokumen.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat enam peranan utama pemimpin sebagai agen perubahan yang dilaksanakan melalui dengan 32 amalan dan tanggungjawab dalam kepemimpinan persatuan belia. Enam peranan utama pemimpin sebagai agen perubahan merangkumi 1) pengurus; 2) pembantu proses; 3) perunding; 4) penggerak; 5) penyelesai masalah; dan 6) penghubung sumber. Peranan pemimpin sebagai pengurus merujuk kepada kebolehan dalam menyampaikan dan memberi inspirasi kepada ahli tentang visi dan misi organisasi serta memberi panduan untuk bertindak dengan berkesan. Pemimpin sebagai pembantu proses dilihat daripada kecekapan dan kemahiran dalam memimpin ahli dan organisasi untuk mencapai matlamat persatuan. Seterusnya peranan pemimpin sebagai perunding adalah kebolehan untuk bertolak ansur dan menjadi pakar rujuk. Manakala peranan pemimpin sebagai penggerak pula merujuk kepada keupayaan dan kebolehan mencairkan minda bagi membolehkan ahli bertindak. Sebagai penyelesai masalah, pemimpin mahir dalam membentuk dan melaksanakan sesuatu strategi penyelesaian masalah manakala sebagai penghubung sumber pula mereka menunjuk ajar tentang cara untuk mendapatkan dan menggunakan sumber, di samping menghubungkan persatuan dengan agensi lain.

Kajian ini mendapati peranan pemimpin sebagai agen perubahan di kalangan pemimpin persatuan menepati teori yang terdapat dalam literatur. Hasil kajian juga memaparkan tanggungjawab, amalan dan peranan pemimpin sebagai agen perubahan dalam persatuan belia. Kajian ini mencadangkan agar pemimpin perlu memainkan peranan sebagai agen perubahan bagi menjamin kemapanan persatuan belia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**SUSTAINABILITY OF YOUTH ORGANIZATIONS AND
THE ROLE OF LEADERS AS AGENTS OF CHANGE**

By

SITI RABA'AH HAMZAH

May 2005

Chairman : Professor Turiman Suandi, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aims to explore the role of leaders as the agent of change in the context of sustainability of youth organizations. This study is carried out based on two research questions, namely 1) what is the role of leaders in organizational leadership that contributes to the sustainability of organizations, and 2) what are the roles of leaders as the agent of change in the context of sustainability of youth organizations. The study employs a qualitative research methodology and data are obtained through group interviews and document analysis.

The leaders involved in this study are chosen from youth organizations that have been awarded the Anugerah Belia Negara and involving the chairman, deputy chairman, secretary, treasurer and committee members of the chosen organizations. Group interview is the main method of data collection, supported by document analysis.

The finding of this study shows there are six main leadership roles as agents of change, accomplished through 33 practices and responsibilities in youth organizational leadership. These six main leadership roles as agents of change include: 1) manager; 2) process helper; 3) consultant; 4) catalyst; 5) problem solver; and 6) resource person. The leaders role as manager refers to their ability to present and give inspiration to the members regarding the mission and vision of the organization, as well as to guide them to act effectively. As process helpers, they are judged through their competence and skills in leading the organization and its members to achieve the goals of the association. Next, the role of the leaders as consultants is defined as the ability to compromise and to be the resource persons. Meanwhile, the role of the leaders as catalyst refers to the ability to activate the minds of the members so that they can act accordingly. As problems solvers, the leaders are skillful in forming and implementing problem solving strategies, while as resource persons, the leaders are able teach their members to acquire and use resources, besides linking the association with other agencies.

The study reveals that the role of leaders as the agent of change among organization leaders is in line with the theories in the literature. The findings also highlight the roles and responsibilities of leaders as the agents of change in youth organizations. The study recommends that leaders need to

play the role the agent of change to ensure the sustainability of youth organizations.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis iaitu Profesor Dr. Turiman Suandi atas dedikasi yang ditunjukkan ketika memberi bimbingan, bantuan dan galakan sepanjang masa menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Haji Azimi Hamzah dan Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah atas dorongan dan panduan yang telah diberikan. Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah yang pernah mengajar saya sepanjang pengajian di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin belia yang terlibat dalam kajian ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada suami dan seisi keluarga yang menyokong saya secara berterusan dalam menyiapkan tesis ini. Akhirnya ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam membantu saya melengkapkan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Persatuan Belia di Malaysia	3
Peranan Persatuan Belia	7
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	12
Kepentingan Kajian	12
Definisi Istilah	14
 II SOROTAN LITERATUR BERKAITAN	 16
Pengenalan	16
Pemimpin dan Kepemimpinan	18
Peranan Pemimpin dalam Persatuan	33
Pemimpin sebagai Agen Perubahan	45
Persatuan Belia di Malaysia	50
Kemapamanan Persatuan Belia	54
Kepemimpinan dan Hubungannya dengan Kemapamanan Persatuan Belia	61
Rumusan	63
 III METODOLOGI	 66
Pengenalan	66
Reka Bentuk Kajian	66
Pemilihan Informan Kajian	69
Kriteria Pemilihan	70
Kriteria Pemilihan Informan	72

Muka surat

Pengumpulan Data	74
Temu Bual Secara Berkumpulan	74
Analisis Dokumen	79
Analisis Data	81
Penyelidik sebagai Instrumen Kajian	85
Kesahan dan Kebolehpercayaan	89
Rumusan	93
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	94
Pengenalan	94
Latar Belakang Persatuan	94
Persatuan Anggerik (A)	96
Persatuan Bakawali (B)	96
Persatuan Cempaka (C)	97
Persatuan Dahlia (D)	97
Persatuan Exora (E)	98
Persatuan Flora (F)	99
Persatuan Gelugor (G)	99
Persatuan Halia (H)	100
Peranan Pemimpin sebagai Agen Perubahan dalam Kepemimpinan Persatuan	100
Pengurus	101
Menentukan Matlamat Persatuan	102
Menterjemahkan Matlamat Persatuan	104
Membentuk Strategi	107
Membentuk dan Menyusun Struktur Organisasi	109
Membuat Pembahagian Tugas	111
Melantik Jawatankuasa	114
Membina Pelapis	116
Memantau Perkembangan Jawatankuasa	117
Membuat Keputusan	118
Membuat Perubahan Pengurusan	120
Pembantu Proses	124
Membentuk Ahli	124
Melatih Ahli Menjadi Pemimpin	126
Memberi Galakan, Motivasi dan Semangat	128
Berkongsi Kepakaran dan Ilmu	130
Memberikan Penghargaan dan Penghargaan	131
Membentuk Hubungan dengan Ahli	133

Muka surat

Mendapat Sokongan dan Bimbingan	133
Menyampaikan dan Mempermudah Inovasi	135
Menggembangkan Tenaga	137
Turun Padang	139
Perunding	142
Mendapatkan Maklum Balas	142
Menjadi Tempat Rujukan	142
Pengerak	145
Mencetuskan dan Memberi idea	145
Mengerakkan Minda	147
Penyelesai Masalah	149
Mengenal Pasti Masalah	150
Menganalisis Masalah	151
Menangani Konflik	151
Mengkaji Kelemahan dan Kekuatan Persatuan	152
Penghubung Sumber	154
Mewujudkan Jaringan	154
Mendapatkan Sumber	158
Menyediakan Kemudahan	158
Rumusan	160
V RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	166
Pengenalan	166
Ringkasan	166
Pernyataan masalah	166
Objektif kajian	168
Metodologi	168
Ringkasan Hasil Kajian	170
Kesimpulan	178
Perbincangan	180
Implikasi	184
Cadangan	185
BIBLIOGRAFI	188
LAMPIRAN	208
BIODATA	217

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Taburan Jenis Persatuan Belia di bawah Majlis Belia Malaysia	5
1.2 Profil Persatuan Belia	95

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Struktur Pentadbiran Persatuan Belia di Malaysia	34
1.2 Model Pemimpin sebagai Agen Perubahan dalam Organisasi	48
1.3 Model Elemen Kemapanan Persatuan Belia	62
1.4 Carta Aliran Metodologi Kajian	93
1.5 Model Peranan Pemimpin sebagai Agen Perubahan dalam Konteks Kemapanan Persatuan Belia	162

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Golongan belia mempunyai peranan yang tersendiri dalam kepemimpinan negara sesuai dengan tanggungjawab mereka sebagai pewaris kepada pemimpin, negara, agama dan bangsa. Pembangunan belia yang berterusan dan cemerlang akan memberi implikasi kepada perubahan dan pembangunan negara. Perangkaan pendudukan tahun 2000 menunjukkan belia adalah golongan masyarakat yang terbesar di Malaysia. Terdapat seramai 9.93 juta orang (42.6%) golongan belia yang berumur antara 15 hingga 39 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Jumlah ini dijangka meningkat kepada 11.2 juta orang (44%) pada tahun 2005 (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001). Golongan belia juga menunjukkan pertambahan sebanyak 2.6 peratus dan menjadikan jumlah belia meningkat setiap tahun. Pertambahan jumlah ini menggambarkan peningkatan kepada keperluan persatuan belia yang aktif memainkan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap belia. Menurut Azimi (2002) persatuan belia diperlukan sebagai rakan pembangunan negara terutamanya dalam aspek pembangunan sumber manusia.

Tuntutan terhadap peranan persatuan belia dan kepemimpinannya dalam mencorak wawasan persatuan dengan strategi-strategi dalam kepemimpinan persatuan amat penting bagi kemapanan persatuan. Pemimpin persatuan berperanan mempengaruhi ahli untuk mencapai wawasan dengan memberi dorongan dan inspirasi dalam mengatasi pelbagai rintangan. Interaksi yang wujud inilah yang telah membentuk persefahaman dan persepakatan dalam kepemimpinan bagi menjamin

kemapanan persatuan seterusnya melaksanakan tanggungjawab terhadap pembangunan negara.

Latar Belakang

Kerajaan telah menyediakan pelbagai rancangan yang rapi untuk golongan belia dalam setiap rancangan jangka panjang pembangunan Malaysia. Usaha ini mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) melalui tumpuan khusus yang diberikan terhadap pembentukan kepemimpinan yang berkualiti di kalangan belia. Usaha kerajaan membina generasi belia secara serius terbukti melalui Dasar Belia Negara yang digubal pada tahun 1985. Dasar ini merupakan panduan pelaksanaan program belia. Walau bagaimanapun pada tahun 1997, dasar tersebut telah dikaji semula dan dinamai Dasar Pembangunan Belia Negara. Dasar ini mempunyai matlamat untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadau dari segi rohani dan jasmani dalam membentuk sifat bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik agar dapat berperanan sebagai penggerak kepada pembangunan bangsa, agama dan negara (Kementerian Belia dan Sukan, 1997).

Bagi merealisasikan dasar tersebut, kerajaan telah melaksanakan beberapa strategi, antaranya termasuklah pembangunan ilmu, pembentukan sikap, pembangunan kemahiran dan keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, penyediaan kemudahan interaksi sosial, perkongsian dalam pembangunan serta jaringan hubungan di peringkat antarabangsa. Usaha membangunkan golongan belia diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) melalui model

pembangunan bersepada yang lebih memberi tumpuan pada pembangunan belia dalam aspek pendidikan, politik, perpaduan, pembentukan sahsiah serta pembangunan sains dan teknologi. Untuk mencapai maksud tersebut, tujuh program teras telah dilaksanakan, iaitu:

- 1) Program Pemimpin Perdana; 2) Program Pembangunan Kemahiran;
- 3) Program Pembangunan Keusahawanan; 4) Program Pembangunan Sahsiah; 5) Program Perjaringan Antarabangsa; 6) Program Penyelidikan dan Pembangunan Fizikal; dan 7) Program Rakan Muda.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia merupakan pelaksana utama program-program pembangunan belia negara. Dalam usaha memastikan kejayaan bagi program yang dilaksanakan, peranan persatuan belia telah diberi perhatian yang serius untuk bersama-sama dengan kementerian tersebut menjalankan program yang telah dirancangkan.

Persatuan Belia di Malaysia

Persatuan belia di Malaysia telah ditubuhkan seawal tahun 1900 dengan tujuan menggembangkan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun supaya bersatu ke arah pembangunan negara. Sehingga kini terdapat lebih daripada 8000 persatuan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan daripada jumlah itu, hanya 30 peratus atau 2400 buah persatuan yang boleh dianggap masih aktif berpersatuan dengan keahlian seramai 2.8 juta orang belia (Kementerian Belia dan Sukan, 2000). Namun begitu tidak terdapat pengukuran ataupun indikator yang jelas tentang keaktifan persatuan belia. Menurut Kementerian Belia dan Sukan (1999), persatuan belia yang aktif ini dikenal pasti sebagai persatuan yang berjaya menghantar laporan tahunan mereka dalam jangka

masa yang ditetapkan manakala persatuan yang tidak aktif ialah persatuan belia yang gagal menghantar laporan dan dikaitkan dengan kegagalan pemimpin persatuan menganjurkan program atau aktiviti yang relevan dengan persatuan mereka.

Pada dasarnya persatuan belia bergerak secara berperingkat-peringkat seperti di peringkat tempatan, peringkat daerah, peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa (Mohd Ali, 1998). Melihat kepada perkembangan ini, persatuan belia boleh dikatakan telah menggunakan pendekatan yang bersifat komprehensif dan holistik yang akan memberi kesan bukan sahaja di tahap akar umbi malahan telah bergerak di peringkat sejagat. Proses ini secara tidak langsung dapat merapatkan jurang perbezaan serta mewujudkan kesepakatan di kalangan belia bukan sahaja di dalam negara malahan di peringkat global.

Secara umumnya, persatuan belia di Malaysia dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu persatuan belia beruniform, persatuan belia agama, persatuan belia biasa, dan persatuan belia majlis yang merupakan badan penyelaras persatuan (Majlis Belia Malaysia, 2000). Terdapat 41 buah persatuan belia Malaysia yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia, seperti Jadual 1.1:

Jadual 1.1

Taburan Jenis Persatuan Belia di bawah Majlis Belia Malaysia

Bil	Persatuan belia	Jenis persatuan belia	Tahun ditubuhkan	Matlamat utama persatuan
1.	Young Malaysian Chinese Association	Biasa	1905	Agama dan Disiplin
2.	St. John Ambulan	Uniform	1908	Kesihatan &Kebajikan
3.	Pengakap	Uniform	1910	Disiplin
4.	Young Women Christian Association	Agama	1914	Agama
5.	Pandu Puteri	Uniform	1917	Disiplin
6.	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung	Biasa	1948	Pendidikan
7.	Belia Methodist	Agama	1950	Agama
8.	Majlis Belia Malaysia	Majlis	1950	Badan Penyelaras
9.	PKBM/MAYC	Biasa	1950	Kebudayaan dan Ekonomi
10.	Johore Youth Council	Biasa	1954	Badan Penyelaras
11.	Sekolah Outward Bound	Biasa	1955	Disiplin
12.	Asrama Belia	Biasa	1956	Pengembalaan
13.	Palang Merah	Uniform	1957	Kebajikan &Kesihatan
14.	Majlis Belia Hindu	Agama	1958	Agama
15.	PKPM	Biasa	1958	Pendidikan
16.	Brigid Putra	Biasa	1959	Agama & Disiplin
17.	Brigid Puteri	Biasa	1960	Agama & Disiplin
18.	Young Malaysian	Biasa	1960	Agama & Disiplin
19.	Persatuan Belia Desa	Biasa	1961	Sosioekonomi
20.	PKPM	Biasa	1963	Agama & Pendidikan
21.	PTBD	Biasa	1964	Badan Penyelaras
22.	KKBS	Biasa	1965	Polisi Awam
23.	Joylf Vanguard	Biasa	1965	Agama & Disiplin
24.	Tamil Bell	Biasa	1966	Sosiobudaya
25.	Gerakan Belia 4B	Biasa	1966	Sosioekonomi
26.	SANYA	Biasa	1966	Sosioekonomi
27.	Majlis Belia Terengganu	Majlis	1968	Badan Penyelaras
28.	Majlis Belia Perak	Majlis	1968	Badan Penyelaras
29.	Majlis Belia Melaka	Majlis	1968	Badan Penyelaras
30.	Majlis Belia Kedah	Majlis	1968	Badan Penyelaras
31.	Majlis Belia Pahang	Majlis	1968	Badan Penyelaras
32.	Majlis Belia Kelantan	Majlis	1968	Badan Penyelaras
33.	Majlis Belia Negeri Sembilan	Majlis	1968	Badan Penyelaras
34.	Majlis Belia Selangor	Majlis	1973	Badan Penyelaras
35.	Belia Buddhist	Agama	1970	Agama
36.	ABIM	Agama	1970	Agama
37.	SABERKAS	Biasa	1973	Badan Penyelaras
38.	GBB	Agama	1975	Sosioekonomi
39.	Gabungan Belia Perak	Biasa	1975	Badan Penyelaras
40.	Gabungan Belia Perlis	Biasa	1975	Badan Penyelaras
41.	Gabungan Belia Melaka	Biasa	1975	Badan Penyelaras

Sumber : Suroya Selamat (1998), dalam Pengukuhan Sinergi Belia dan Negara.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah merangka matlamat yang penting untuk memastikan persatuan belia dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranannya terhadap belia (Suroya, 1998). Matlamat persatuan belia adalah untuk: 1) mengembangkan sumber tenaga belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun; 2) mewujudkan persahabatan dan persefahaman di kalangan ahli daripada pelbagai bangsa, keturunan, agama, kepercayaan dan nilai-nilai mereka; 3) memupuk semangat kerohanian dan jasmani dalam usaha meninggikan akhlak dan moral ahli; 4) menggalakkan golongan belia bertanggungjawab terhadap masyarakat; 5) memupuk semangat kasih sayang dan melatih sikap taat setia kepada agama, bangsa dan negara; 6) melibatkan belia dalam proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara dalam kerja-kerja kebijakan dan kemasyarakatan; 7) memupuk semangat perpaduan melalui aktiviti rekreasi, kesukanan, kesenian, ekonomi dan aktiviti-aktiviti lain; dan 8) melahirkan satu idealisme yang berteraskan kerja-kerja kesukarelawanan yang tinggi dan lebih praktikal (Azimi et al, 2001).

Persatuan belia mampu dan berpotensi untuk berperanan dengan aktif. Program Anugerah Belia Negara yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan setiap tahun merupakan satu pengiktirafan kerajaan kepada individu atau organisasi yang telah menunjukkan sumbangan yang cemerlang kepada pembangunan belia. Program ini telah berjaya menonjolkan beberapa buah persatuan belia yang berupaya memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara.

Peranan Persatuan Belia

Kesemua program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan peranan persatuan belia. Pihak kerajaan merupakan pelaksana dan penaung utama dasar pembangunan belia manakala persatuan belia merupakan rakan kongsi serta pemangkin kepada program dan aktiviti belia. Sejarah memperlihatkan peranan dan sumbangan pergerakan persatuan belia yang besar dalam melahirkan pemimpin dan pewaris dalam berbagai-bagai bidang pembangunan seperti politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di Malaysia. Peranan golongan belia semakin mencabar apatah lagi di negara yang sedang mengalami arus pembangunan yang sangat pesat.

Persatuan belia diperlukan untuk membantu kerajaan melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan kesemua program ini. Persatuan belia bukan sekadar menerima arahan dan tanggungjawab yang diberikan, malahan perlu bijak memainkan peranan melalui pendekatan masing-masing. Salah satu peranan persatuan belia yang dikenal pasti adalah sebagai agen sosialisasi. Persatuan belia telah memainkan peranan sebagai satu wadah dalam memberikan ruang kepada golongan belia untuk berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat. Peranan ini juga didapati dapat mengurangkan konflik di kalangan rakyat dalam negara (Mustaffa, 1998). Persatuan belia bergerak dalam pelbagai dimensi. Belia berinteraksi sesama mereka tanpa mengira latar belakang, lokasi, agama dan bangsa.

Melalui persatuan, proses kematangan dapat dibentuk dengan wujudnya ruang dan peluang interaksi antara belia dengan pemimpin